

**PERATURAN PEMARKAHAN  
MODUL 1 TASAWWUR ISLAM SPM 2021**

**Bahagian A**

1	Perkara Ghaib/Ghaibiyah	11	X
2	Asnaf	12	√
3	Pekerjaan	13	Alam rahim
4	Jizyah	14	Alam kubur/alam barzakh
5	Akhlak	15	Hak milik individu/hak milik negara
6	Pemaaf	16	Hak milik individu/hak milik negara
7	Akal	17	Syumuliyah
8	Segumpal tanah	18	Murunah
9	√	19	Rabbaniyyah
10	X	20	'Alamiyyah

**Bahagian B**

Soalan			Jawapan	Markah
1.	(a)	i.	Maksud Islam sebagai al-Din <ul style="list-style-type: none"> <li>Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.</li> </ul>	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	<b>Dua</b> sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup <ul style="list-style-type: none"> <li>Memandu arah hidup manusia mengikut syariat Islam. (1m)</li> <li>Cara hidup Islam ialah jalan kebahagiaan di dunia dan akhirat. (1m)</li> <li>Akal manusia terbatas untuk mengetahui hakikat kebenaran. (1m)</li> <li>Islam menjadi asas tatacara perhubungan manusia. (1m)</li> </ul>	2 isi x 2 markah = 4 markah
	(b)		Contoh jawapan Tindakan yang saya akan lakukan ialah cuba menasihati Daim (I) supaya beliau meninggalkan perbuatan menceritakan amalannya itu kerana ia dikira sum'ah dan berdosa dalam Islam (H). Kesannya, ibadah yang dilakukan akan diterima oleh Allah SWT kerana dilakukan dengan ikhlas (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah beribadat hanya semata-mata kerana Allah SWT agar hidup dirahmati (K).	4 isi x 1 markah = 4 markah 1I + 1H + 1HL + 1K
	(c)	i.	<b>Dua</b> pegangan akidah yang benar <ul style="list-style-type: none"> <li>Berasaskan tauhid (1m).</li> <li>Bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah (1m).</li> <li>Berlandaskan ilmu, iman dan amal (1m).</li> <li>Berpegang dengan dalil naqli dan aqli (1m).</li> </ul>	2 isi x 1 markah = 2 markah
		ii.	<b>Dua</b> kepentingan pelaksanaan amalan akidah yang benar mengikut syarak terhadap individu <ul style="list-style-type: none"> <li>Syarat utama amalan diterima oleh Allah SWT (1m) kerana taat kepada perintah-Nya (1m).</li> <li>Benteng daripada perkara syirik, khurafat dan bidaah (1m) yang dilarang di dalam Islam (1m).</li> <li>Beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT (1m) kerana patuh pada ajaran Islam (1m).</li> </ul>	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
		iii.	<b>Dua</b> usaha untuk memantapkan pegangan akidah dalam diri seseorang <ul style="list-style-type: none"> <li>Mendalami ilmu berkaitan akidah untuk memantapkan lagi pegangan akidah sedia ada (1m).</li> <li>Menjauhi fahaman yang menyeleweng seperti ajaran-ajaran sesat (1m).</li> </ul>	2 isi x 2 markah = 4 markah

			<ul style="list-style-type: none"> <li>Sentiasa ikhlas dalam beribadat hanya kepada Allah SWT (1m).</li> </ul>	
2.	(a)	i.	Maksud ibadah menurut Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas (1m) semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT (1m).</li> </ul>	2 isi x 1m = 2 markah
		ii.	<b>Dua</b> konsep ibadah menurut Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>Keikhlasan menjadi asas penerimaan ibadah di sisi Allah SWT.</li> <li>Kewajipan menuruti perintah yang disyariatkan dan tidak mengada-adakan ibadah.</li> <li>Tujuan hidup manusia adalah untuk beribadah kepada Allah SWT.</li> <li>Ibadah melibatkan segala kegiatan manusia dari segi rohani dan jasmani.</li> </ul>	2 isi x 2m = 4 markah
		iii.	<b>Dua</b> kesan ibadah tanpa syariat <ul style="list-style-type: none"> <li>Merosakkan ibadah (1m) kerana Islam tidak menerima ibadah yang dilakukan tanpa ilmu atau sekadar ikutan (1m).</li> <li>Merosakkan iman (1m) kerana ibadah yang dilakukan tidak semata-mata kerana Allah SWT (1m)</li> <li>Tidak mendapat keredaan Allah SWT (1m) kerana tidak beribadah dengan sempurna dan menepati syariat (1m).</li> </ul>	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
	(b)	i.	Maksud akhlak mahmudah <ul style="list-style-type: none"> <li>Akhlak terpuji yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunah.</li> </ul>	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	<b>Dua</b> kesan mengamalkan akhlak mahmudah terhadap individu <ul style="list-style-type: none"> <li>Hidup tenang dan beroleh keberkatan (1m) kerana berkelakuan baik yang disukai Allah SWT dan Rasul-Nya (1m).</li> <li>Dirahmati oleh Allah SWT (1m) kerana melakukan perkara yang disukai oleh-Nya (1m).</li> <li>Menjadi contoh teladan kepada orang lain (1m) kerana berakhlak mulia dan sopan (1m).</li> </ul>	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
	(c)		Contoh jawapan Saya akan menasihatinya supaya meninggalkan perkara yang sia-sia itu (I) kerana mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa adalah satu kesalahan di dalam Islam (H). Kesannya, sekiranya kita menjalankan tanggungjawab sebagai seorang anak, Allah SWT akan mempermudah segala urusan hidup kita (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam menjadi kewajipan bagi kita membalas jasa ibu bapa kerana mereka telah bersusah payah memelihara dan mendidik kita sejak kecil (K)	4 isi x 1 markah = 4 markah 1I + 1H + 1HL + 1K
3.	(a)	i.	Pengertian Syumuliyah <ul style="list-style-type: none"> <li>Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.aw lengkap dan sempurna serta meliputi di dunia dan akhirat</li> </ul>	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	<b>Dua</b> ciri prinsip pandangan hidup Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah</li> <li>Kesempurnaan hanya milik Allah</li> <li>Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian</li> <li>Praktikal dan mampu diamalkan</li> <li>Islam agama yang mudah</li> <li>Menyelesaikan masalah kehidupan</li> </ul>	2 isi x 2 markah = 4 markah

		<p><b>Dua</b> keistimewaan insan berbanding makhluk lain</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dikurniakan akal fikiran (1m) agar dapat membezakan baik dan buruk. (1m)</li> <li>• Dianugerahkan rasul (1m) sebagai pembimbing manusia ke jalan yang benar. (1m)</li> <li>• Diberi kitab (1m) untuk menjadi panduan dalam kehidupan. (1m)</li> <li>• Diberi tanggungjawab sebagai khalifah (1m) untuk mengurus dan memakmurkan alan ini. (1m)</li> </ul>	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H</p>	
(b)	i.	<p>Contoh jawapan</p> <p>Memberi kefahaman Islam yang mendalam (I) agar masyarakat dapat mengelak diri daripada sifat mazmumah (H). Hal yang demikian Islam mewajibkan ibadat zakat bagi orang berkemampuan untuk membantu golongan yang kurang berada. Dengan ini sifat hasad dan tidak puashati dapat dibendung (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengamalkan cara hidup Islam yang sempurna dalam kehidupan agar hidup diberkati (K).</p>	<p>4 isi x 1 markah = 4 markah 1I + 1H + 1HL + 1K</p>	
	ii.	<p>Contoh jawapan</p> <p>Tindakan yang boleh diambil oleh saya ialah berhenti daripada bermain bola sepak (I) untuk menghormati seruan azan (H1). Kemudian mengajak rakan-rakan dengan berhemah agar mereka berhenti untuk menunaikan solat asar secara berjemaah (H2). Hal ini kerana solat adalah satu kewajipan bagi umat Islam (H3). Kesannya, hidup diredai oleh Allah SWT kerana mematuhi perintah-Nya (HL). Oleh itu, sebagai umat Islam kita hendaklah menunaikan solat pada awal waktu agar hidup kita diberkati Allah SWT (K).</p>	<p>6 isi x 6 markah = 6 markah 1I + 3H + 1HL + 1K</p>	
4.	(a)	i.	<p><b>Dua</b> sumber utama sistem ekonomi Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Al-Quran</li> <li>• Al-Hadis</li> <li>• Al-Ijmak</li> <li>• Al-Qias</li> </ul>	<p>2 isi x 1 markah = 2 markah</p>
		ii.	<p><b>Dua</b> prinsip asas dalam ekonomi Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akidah, syariah dan akhlak sebagai teras.</li> <li>• Manusia sebagai khalifah untuk memegang amanah.</li> <li>• Keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat.</li> <li>• Larangan kerosakan dan kezaliman yang boleh membawa mudarat kepada manusia dan alam sekitar.</li> </ul>	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah</p>
		iii.	<p><b>Dua</b> keistimewaan sistem ekonomi Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem yang lengkap dan menyeluruh (1m) kerana berpandukan ajaran dan wahyu Allah SWT (1m).</li> <li>• Bermotifkan kesejahteraan hidup (1m) untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat (1m).</li> <li>• Berteraskan nilai dan akhlak Islam (1m) yang unggul (1m).</li> <li>• Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam (1m) agar diredai Allah SWT (1m).</li> </ul>	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H</p>
	(b)	i.	<p><b>Dua</b> bentuk ketidakadilan yang wajib dielakkan dalam ekonomi Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengamalkan riba dalam pinjaman</li> <li>• Menipu dalam sukatan dan timbangan</li> <li>• Memberi dan menerima rasuah</li> <li>• Mengganggu dan tidak mahu bekerja</li> </ul>	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Melanggar hak cipta</li> </ul>	
	ii.	<p>Contoh jawapan</p> <p>Cara Islam menyelesaikan permasalahan ini ialah dengan memberi bantuan sumbangan barangan keperluan atau kewangan (I) melalui sumber baitulmal, zakat dan sedekah (H1). Hal ini dapat meringankan beban masyarakat yang ditimpa musibah serta (H2) serta melahirkan sikap tolong-menolong (H3). Kesannya, mereka yang ditimpa musibah akan berasa gembira dan mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup (HL). Kesimpulannya, kita sebagai umat Islam perlukan mempunyai semangat persaudaraan yang tinggi dengan prihatin akan masalah yang dihadapi oleh saudara seagama serta jiran tetangga (K).</p>	<p>6 isi x 1 markah = 6 markah 1I+ 3H + 1 HL+ 1K</p>
5.	(a)	<p>i. Maksud sistem perundangan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia (1m) merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti akidah, ibadah, akhlak dan sebagainya (1m).</li> </ul>	<p>2 isi x 1 markah = 2 markah</p>
	ii.	<p><b>Dua</b> asas sistem perundangan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pencegahan (1m) dari berulangnya perbuatan jenayah (1m).</li> <li>Pembalasan (1m) perbuatan jahat dengan hukuman yang adil (1m).</li> <li>Pemulihan (1m) dengan mendidik pesalah supaya insaf (1m).</li> </ul>	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah</p>
	iii.	<p><b>Dua</b> kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menjaga akidah umat Islam dari terpesong seperti tiada unsur-unsur syirik, kufur dan sebagainya (1m).</li> <li>Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan yang membahayakan nyawa (1m).</li> <li>Memastikan akal manusia terpelihara daripada perkara-perkara yang merosakkan pemikiran (1m).</li> <li>Melahirkan zuriat yang halal hasil perkahwinan yang mengikut syarak (1m).</li> <li>Memperoleh harta secara halal tanpa berlaku pencerobohan harta (1m).</li> </ul>	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah</p>
	(b)	<p>i. <b>Dua</b> matlamat sistem perundangan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memelihara agama (1m) dengan melarang perbuatan syirik supaya akidah terpelihara (1m).</li> <li>Memelihara nyawa (1m) dengan menyuruh umatnya menjaga kesihatan diri seperti makan makanan halal dan baik (1m).</li> <li>Memelihara akal (1m) dengan melarang perbuatan minum arak kerana boleh merosakkan akal (1m).</li> <li>Memelihara keturunan (1m) dengan melarang perbuatan zina, liwat, lesbian dan gay yang boleh merosakkan keturunan (1m).</li> <li>Memelihara harta (1m) dengan melarang pencerobohan harta seperti mencuri, merompak dan sebagainya (1m).</li> </ul>	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H</p>
	ii.	<p>Contoh jawapan</p> <p>Mematuhi undang-undang jalan raya termasuk dalam matlamat perundangan Islam iaitu memelihara nyawa (I). Islam melarang umatnya terlibat dengan kegiatan yang boleh membahayakan diri (H1). Selain itu, kita dituntut menjaga keselamatan serta mematuhi peraturan ketika menaiki kenderaan (H2) bagi mengelakkan kecederaan parah jika ditimpa kemalangan (H3). Kesannya, nyawa dan harta benda dapat dipelihara (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah mematuhi perundangan Islam supaya hidup sejahtera di dunia dan di akhirat (K).</p>	<p>6 isi x 1 markah = 6 markah  1I + 3H + 1HL + 1K</p>

6.	(a)	i.	<p>Maksud kehakiman Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelesaian pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.</li> </ul>	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	<p><b>Dua</b> matlamat sistem kehakiman Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menegakkan keadilan tanpa mengira darjat, pangkat dan keturunan (1m).</li> <li>• Menentang kezaliman yang boleh gugat keamanan (1m).</li> <li>• Membela orang yang dizalimi demi menegakkan keadilan (1m).</li> </ul>	2 isi x 2 markah = 4 markah
	(b)	i.	<p><b>Empat</b> kesalahan di bawah jenayah hudud</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Zina</li> <li>• Qazaf</li> <li>• Minum arak</li> <li>• Mencuri</li> <li>• Merompak</li> <li>• Murtad</li> </ul>	4 isi x 1 markah = 4 markah
		ii.	<p><b>Dua</b> etika sebagai seorang hakim</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh (1m) supaya wujud keadilan (1m).</li> <li>• Hakim hendaklah jujur (1m) supaya kewibawaannya dihormati (1m).</li> <li>• Hakim dilarang mensabit kesalahan jika ada keraguan (1m) supaya tidak berlaku penganiayaan (1m).</li> <li>• Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga (1m) supaya keputusan yang dibuat tepat (1m).</li> </ul>	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
	(c)		<p>Contoh jawapan</p> <p>Perintah di atas perlu dilaksanakan kerana hukuman di dalam Islam bersifat memberi pengajaran (I). Hal ini kerana kesannya yang lebih sebagai pencegah dan penghalang (H1) dari mengulangi kesalahan yang sama (H2). Selain itu, pesalah akan rasa tercela, terhina dan terdedah keaiban (H3). Kesannya, pesalah akan berasa insaf dan tidak akan mengulangi perbuatan dosa tersebut lagi (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlu mematuhi perintah Allah SWT agar memperoleh keampunan dan rahmat daripada-Nya (K)</p>	6 isi x 1 markah = 6 markah 1I + 3H + 1HL + 1K

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**